

19 JUN 2002

KONVENSIEN UMNO JOHOR TIDAK TOLAK KUOTA 10 PERATUS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Konvensyen Umno Johor baru-baru ini tidak membuat ketetapan menolak pemberian kuota 10 peratus kepada pelajar bukan bumiputera di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan program matrikulasi.

Perdana Menteri berkata perkara itu, yang dilaporkan oleh akhbar tabloid, tidak benar.

"Saya mendapat laporan daripada Datuk (Abdul) Ghani Othman (Menteri Besar Johor), (Ketua Pergerakan Pemuda) Datuk Hishammuddin (Tun Hussein) dan (Naib Presiden Umno Tan Sri) Muhyiddin Yassin. Mereka kata tak ada," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, malam ini.

Dr Mahathir juga berkata tiada usul tambahan selain tiga usul asal iaitu ucapan presiden, pendidikan dan agama/sosial akan dibentangkan pada Perhimpunan Agung Umno 2002 selama tiga hari di Pusat Dagangan Dunia Putra bermula esok.

Menurutnya Hishammuddin dan Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz memaklumkan kepada Majlis Tertinggi bahawa kedua-dua sayap Umno itu, yang mengadakan persidangan perwakilan masing-masing hari ini, menyokong sepenuhnya pendekatan baru kerajaan berhubung bidang pendidikan.

Ini termasuk memberi kuota 10 peratus di MRSM dan program matrikulasi kepada pelajar bukan bumiputera selain penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik di semua sekolah mulai tahun depan.

-- BERNAMA

SR MAM NAK